

Aspirasi rakyat mahukan perpaduan, kemakmuran teras kempen BN

20

PULAU PINANG 14 Nov. — Aspirasi rakyat yang mahukan perpaduan, keamanan dan kemakmuran bagi menjamin masa depan mereka akan menjadi teras kepada kempen Barisan Nasional (BN) pada pilihan umum kali ke-10 ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, keadaan ini perlu bagi kepentingan segenap lapisan masyarakat supaya mereka boleh hidup selamat tanpa gangguan, mencari rezeki dan memperoleh banyak peluang pekerjaan.

Di samping itu, katanya, BN juga akan menekankan aspek penerangan berhubung usaha-usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara kepada rakyat supaya memahaminya dengan jelas bagi memenuhi aspirasi mereka.

"Saya telah menekankan

15 NOV 1999
Bahwa kita (BN) perlu mengingatkan dan menyampaikannya kepada rakyat mesej BN iaitu sebuah parti yang memperjuangkan masa depan rakyat dan negara.

"BN juga adalah lambang aspirasi rakyat Malaysia yang mempunyai kerjasama antara kaum dan mempunyai peluang baik untuk rakyat nikmati hidup serta mendapatkan pekerjaan," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat BN Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon di sini hari ini.

Abdullah menambah, kerajaan BN perlu menegaskan betapa pentingnya rakyat memahami usaha-usaha dan kaedah kerajaan dalam menangani kegawatan ekonomi dengan mengambil pendekatan tertent-

tu serta melaksanakannya secara bersungguh-sungguh.

Tambahnya, kerajaan berjaya memulihkan ekonomi tanpa menyebabkan apa-apa kesan buruk yang besar berlaku ke atas masyarakat sepertimana yang dialami oleh rakyat di negara-negara lain.

Dengan pendekatan itu, beliau menegaskan, kerajaan dapat memulihkan ekonomi dan mengawal inflasi daripada melonjak tinggi malah menggunakan sumber dalam negara tanpa beban hutang yang banyak.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN Pusat, menjelaskan bahawa indeks pasaran saham dalam Bursa Saham Kuala Lumpur bukanlah menjadi kayu pengukur sebenar pencapaian ekonomi sesebuah negara.

Beliau menegaskan, adalah kurang tepat sepertima-

na dakwaan pihak-pihak pembangkang yang menganggap negara-negara lain mencapai pemulihan ekonomi lebih baik berbanding Malaysia hanya berdasarkan indeks pasaran saham mereka.

"Kita akan terus memberi penerangan kepada rakyat dan yang penting mereka tidak terpengaruh dengan cakap-cakap ini, sebaliknya dapat berfikir semasak-masaknya untuk masa depan negara," tambahnya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Manifesto BN memberitahu, semua negeri kecuali Sabah dan Sarawak dibenarkan mempunyai manifesto tambahan kepada manifesto induk BN yang akan dilancarkan oleh Presiden BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tarikh ditentukan kelak.